

Peranan Aktiviti Kokurikulum dalam Pembangunan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Murid

The Role of Co-Curricular Activities in Developing Soft Skills Among Students

Nazeri Mohammad¹ & Wan Ameran Wan Mat²

¹ Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands, 69000 Genting Highlands, Pahang

² Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik, Komplek Pendidikan Nilai, Bandar Baru Enstek, 71760 Nilai Negeri Sembilan

Corresponding author: drnazeri.smkbm@gmail.com

Received: 21 December 2023 | Accepted: 25 January 2024 | Published: 12 March 2024

Abstrak: Kokurikulum ada peranan dan pengaruh sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pembangunan individu. Namun begitu, daripada segi keseimbangan kepentingan, kerap terjadi peranan dan kepentingan kokurikulum di ke sampingkan sama ada secara disengajakan atau tidak disengajakan. Murid yang cemerlang tidak sekadar diukur berdasarkan kelayakan akademik mereka semata-mata, tetapi juga melalui penguasaan kemahiran insaniah seperti kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, komunikasi, etika dan moral profesional. Justeru itu, untuk ke arah itu semestinya murid perlu bersaing dan menonjolkan kemahiran yang ada semaksima mungkin dalam menempatkan diri mereka dalam kerjaya. Hal ini menjadi tugas penting institusi pendidikan untuk menyediakan platform yang pelbagai dalam usaha menggilap bakat dan kemahiran insaniah murid dan seterusnya melahirkan modal insan yang berkualiti bagi persediaan untuk memohon masuk ke universiti awam (UA) dan institusi pendidikan tinggi yang lain (IPTA). Hal ini menjadi asas tujuan kajian ini dijalankan iaitu untuk mengenalpasti faktor penglibatan murid dalam kokurikulum dan kaitannya dengan pembangunan kemahiran insaniah personal. Sebanyak 99 data responden yang terdiri daripada murid Tingkatan 5 SMKBM Kuala Lumpur dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 24.0 yang diyakini bersesuaian dengan kajian berbentuk kuantitatif. Analisis kajian ini menunjukkan terdapat beberapa faktor yang mendorong murid SMKBM Kuala Lumpur melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum. Walau bagaimanapun, item kategori menyertai dengan kehendak diri sendiri dan melihat terlebih dahulu keberkesanan daripada penganjuran program itu menjadi keutamaan yang mendorong mereka untuk menyertai aktiviti kokurikulum di SMKBM Kuala Lumpur. Adalah diyakini kokurikulum mempunyai pertalian yang rapat dengan pembentukan kemahiran insaniah yang berpotensi untuk menjadi wadah kepada pembinaan karakter kepada murid. Oleh itu, sewajarnya kokurikulum diletakkan di tempat yang hak dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Kata Kunci: kemahiran insaniah, kepemimpinan insaniah, kebolehan interaksi, dan komunikasi berkesan.

Abstract: Co-curricular activities have a role and influence, either directly or indirectly, on individual development. Nevertheless, in terms of the balance of interests, it often happens that the role and importance of co-curricular activities are sidelined, either intentionally or unintentionally. Outstanding students are measured not only based on their academic qualifications but also through the mastery of soft skills such as leadership skills, teamwork, communication, ethics, and professional morals. Therefore, to go in that direction, students must compete and highlight the skills they have as much as possible when placing themselves in a career. This is an important task of educational institutions to provide a diverse platform to polish students' talents and soft skills and further produce quality human

capital in preparation for applying to public universities (UA) and other higher education institutions (IPTA). This is the basis of the purpose of this study, which is to identify the factors influencing student involvement in co-curricular activities and their relationship with the development of personal soft skills. A total of 99 respondent data points, consisting of Form 5 students of SMKBM Kuala Lumpur, were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 24.0 software, which is believed to be suitable for quantitative research. The analysis of this study shows that several factors encourage SMKBM Kuala Lumpur students to get involved in extracurricular activities. However, the item of the category participating with their own will and seeing in advance the effectiveness of the organization of the program is a priority that motivates them to participate in extracurricular activities at SMKBM Kuala Lumpur. It is believed that the co-curriculum has a close relationship with the formation of soft skills that have the potential to be a vehicle for character building for students. Therefore, the co-curriculum should be placed in its rightful place in the education system in Malaysia.

Keywords: *soft skills, student character, interaction skills, and effective communication.*

Cite this article: Nazeri Mohammad & Wan Ameran Wan Mat. (2024). Peranan Aktiviti Kokurikulum dalam Pembangunan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Murid. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 4(1), p. 27-33.

PENGENALAN

Pendidikan merupakan satu keperluan yang tidak perlu dinafikan oleh sesiapa pun (Mastura & Farahwahida, 2020). Perkembangan pendidikan pada zaman ini begitu pantas dan seiring dengan perkembangan teknologi semasa (Kuan *et al.*, 2019). Oleh kerana pentingnya pendidikan untuk melahirkan modal insan berkualiti, maka pembelajaran atas talian begitu mendapat tempat di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa sektor pendidikan adalah asas utama kepada pembentukan generasi yang akan datang. Kesibukan mengejar teknologi dalam membentuk pembangunan modal insan (Irwan Fariza *et al.*, 2020), kita tidak boleh lupa kepada pembangunan kemahiran insaniah (Vilches, 2020). Kemahiran ini merupakan elemen penting untuk membangunkan modal insan yang seimbang (Alnaeem, 2021).

Pendidikan bermatlamat melahirkan modal insan yang mempunyai kemahiran insaniah (Nor Aishah *et al.*, 2022) dan bukannya melahirkan insan yang bersifat robot yang diprogramkan (Shcheglova, 2019). Falsafah pendidikan kebangsaan menggariskan dengan jelas, matlamat pendidikan negara adalah satu usaha untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang (Irwan Fariza *et al.*, 2020) dan harmonis dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi (Mastura & Farahwahida, 2020). Bagi memenuhi falsafah pendidikan kebangsaan ini, sesebuah institusi pendidikan perlu membangunkan modal insan yang seimbang dari segi *intelligence Quotient* (IQ) dan *Emotional Quotient* (EQ) (Nor Aishah *et al.*, 2022). Semua elemen yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini wajar diambil perhatian dalam melahirkan modal insan yang seimbang dari segala aspek, tidak hanya pada akademik semata-mata tetapi juga dalam aktiviti kokurikulum. Kini, sekolah tidak lagi bersandarkan kepada pencapaian akademik murid sahaja tetapi juga dari segi perkembangan personaliti dan disiplin murid, merangkumi kebolehan dalam pelbagai bidang sampingan seperti kegiatan sukan, pasukan beruniform serta penonjolan sebarang bakat lain. Kemahiran insaniah ini diperolehi melalui kegiatan kokurikulum (Andre, 2020). Dalam sistem pendidikan, kokurikulum merupakan pelengkap kepada kurikulum (Nur Munirah & Mohamad Shukri, 2020). Kemahiran insaniah merangkumi aspek-aspek kemahiran (Irwan Fariza *et al.*, 2020) yang melibatkan elemen kognitif (Md Sabil *et al.*, 2021) yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik (Md. Roknuzzaman, 2020) seperti kepimpinan, kerja berkumpulan (Shcheglova, 2019), komunikasi (Kuan *et al.*, 2019) dan menyelesaikan masalah (Vilches, 2020).

Kemahiran insaniah kini telah merupakan elemen yang dikenalpasti mendatangkan kehendak dan keperluan dalam dunia pekerjaan (Sheokarah & Pillay, 2021). Permintaan melebihi penawaran di pasaran kerjaya telah menuntut para majikan mencari pekerja yang mempunyai nilai dan kualiti yang tinggi (Collings, 2020) dari segi kemahiran dan sahsiah (Nur Munirah & Mohamad Shukri, 2020). Sehubungan dengan itu, setiap murid perlu memiliki tahap sahsiah yang tinggi dengan mengamalkan cara hidup beragama, berpenampilan sopan santun, berbudi bahasa, mempunyai jati diri dan pelbagai lagi hal-hal berkaitan psikologi yang boleh terbentuk dalam diri secara tekal. Terbentuknya sahsiah unggul di sekolah merupakan antara tujuan yang perlu dicapai setelah pembelajaran atau ketika beraktiviti tanpa mengira batasan demografi seperti agama, bangsa, jantina, lokasi mahupun kategori sekolah. Kemahiran insaniah perlu dimiliki oleh seseorang individu untuk berfungsi dengan berkesan sewaktu melakukan pekerjaan yang perlu dimiliki oleh seseorang individu mengikut kemahiran-kemahiran khusus yang dimiliki (Ghani *et al.*, 2020). Walaubagaimanapun, penekanan terhadap murid dalam menguasai ke semua elemen kemahiran insaniah dapat ditingkatkan (Collings, 2020) dengan mengaplikasikan kemahiran insaniah dalam aktiviti kokurikulum (Md Sabil *et al.*, 2021). Hal ini kerana, pendidikan di Malaysia lebih mementingkan akademik berbanding kemahiran insaniah. Kompetensi guru dalam merancang setiap aktiviti dapat menentukan keberkesanan pelaksanaan kokurikulum di sekolah. Namun, tidak semua guru komited dalam memikul tanggungjawab melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah akibat kurang minat dan kurang kemahiran dalam kalangan guru.

SOROTAN LITERATUR

Sistem pendidikan di Malaysia telah menekankan kepada aktiviti pembelajaran sistematik dan terancang yang menyokong pelaksanaan kurikulum sama ada pada waktu persekolahan atau di luar waktu persekolahan (Masduki & Zakaria, 2020). Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan, ia menekankan kepada pembangunan insan dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (Md Sabil *et al.*, 2021).

Rentetan daripada itu, pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak sekolah perlulah mempunyai nilai-nilai murni sebagai satu usaha untuk melahirkan insan berkualiti (Zafariddinovna, 2021). Pendidikan karakter melalui aktiviti kokurikulum ini dilihat mempunyai kemampuan membentuk pengetahuan dan kemahiran murid terhadap nilai-nilai murni dan karakter yang baik. Ianya adalah satu usaha yang terancang dan proaktif hasil daripada perancangan dan kolaborasi daripada pihak pengurusan sekolah dan pihak berkuasa sama ada di peringkat daerah, negeri dan juga negara. Sehubungan dengan itu, Pendidikan Karakter adalah satu usaha yang terancang daripada kolaborasi sekolah dan pihak berwajib seperti pihak kerajaan, persatuan ibubapa serta pertubuhan bukan kerajaan yang bertujuan untuk menyemai nilai karakter yang universal dalam diri anak didik. Usaha ini haruslah berterusan dan seharusnya mendapat dukungan daripada semua pihak.

Kemahiran insaniah juga adalah merupakan satu kemahiran umum yang diperlukan dalam kehidupan khususnya di alam pekerjaan (Sheokarah & Pillay, 2021). Kokurikulum yg merupakan sebahagian daripada kurikulum asas, kegiatan (Ali *et al.*, 2018) atau aktiviti selain mata pelajaran yg diajarkan di dalam bilik darjah (Zafariddinovna, 2021) yang dianggap sebagai sebahagian daripada kursus pendidikan murid di sekolah (kegiatan dalam persatuan, persatuan, kegiatan kesukuan, dan lain - lain). Kokurikulum merupakan suatu pelengkap kepada kehendak dan keperluan kurikulum iaitu menyediakan peluang kepada murid untuk menambah, mengukur (Donroe, 2020) dan mengamalkan kemahiran (Evan Westra, 2020), pengetahuan (Sheokarah & Pillay, 2021) dan nilai-nilai yang telah dipelajari di bilik darjah (Vilches, 2020). Justeru itu, kajian yang dijalankan ini adalah untuk membincangkan

sejauhmana peranan aktiviti kokurikulum membangunkan kemahiran insaniah dalam kalangan murid SMKBM Kuala Lumpur. Objektif kajian ini adalah untuk: i. Mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran insaniah di kalangan murid SMKBM Kuala Lumpur dalam aktiviti kokurikulum. ii. Menganalisis elemen kemahiran insaniah yang dikuasai murid daripada penglibatan aktiviti kokurikulum.

METODOLOGI

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti maklumbalas murid tingkatan lima di SMKBM Kuala Lumpur terhadap tahap dan faktor penglibatan mereka dalam kegiatan kokurikulum. Seterusnya hasil kajian ini akan dianalisis bagi mengenalpasti keberkesanannya bagi membentuk kemahiran insaniah di kalangan murid. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik yang dilakukan secara atas talian dengan penggunaan google form sebagai instrument kajian. Soal selidik merupakan satu kaedah untuk mendapatkan maklumat. Kaedah soal selidik adalah lebih terbuka berbanding dengan kaedah temu bual kerana kaedah soalselidik responden lebih bebas memberi maklumbalas manakala kaedah temu bual perlu bersemuka yang menyebabkan maklumbalas yang diberikan agak terbatas. Salah satu kebaikan soal selidik adalah ianya menjamin kerahsiaan dan ini dapat mencungkil maklumat yang tepat daripada responden.

Instrumen Kajian

Penilaian responden terhadap peranan aktiviti kokurikulum dalam pembangunan kemahiran insaniah di kalangan murid SMKBM Kuala Lumpur dibuat dalam lima aspek penilaian iaitu penguasaan dalam kemahiran komunikasi, kebolehan mereka bekerja sebagai satu pasukan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran mereka menjadi fleksibel dalam situasi tertentu dan keyakinan diri.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini adalah murid Tingkatan 5 di SMKBM Kuala Lumpur. Seramai 99 orang murid telah menjawab soal selidik ini. Murid tingkatan 5 ini yang terdiri dari murid Perniagaan 1, kelas perniagaan 2 dan kelas perniagaan 3.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menggunakan jadual interpretasi skor min Nunnally & Bernstein berdasarkan skala seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1

SELANG SKALA	MIN INTERPRETASI
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Nunnally & Bernstein (1994)

Secara keseluruhannya kajian ini berjaya menjawab berkaitan dengan peranan aktiviti kokurikulum dalam pembangunan kemahiran insaniah di kalangan murid SMKBM Kuala Lumpur. Hasil kajian mengenai kemahiran komunikasi di kalangan responden menunjukkan min yang sederhana tinggi iaitu 3.91. Analisis menunjukkan bahawa, penguasaan responden dalam menguasai bahasa lain selain bahasa ibunda agak rendah. Kelemahan penguasaan bahasa asing khususnya Bahasa Inggeris perlu di perbaiki oleh para murid. Kajian menunjukkan min

responden yang boleh berkomunikasi dalam berbahasa adalah 3.08 iaitu sederhana tinggi. Begitu juga percakapan dalam bahasa Inggeris apabila skor min hanya memperoleh 3.48. Kajian juga menunjukkan penulisan dalam bahasa Inggeris juga memperoleh skor sederhana tinggi iaitu 3.61. Selain itu, kebolehan menyumbangkan idea dengan lisan dan menyampaikan maklumat dengan baik gagal mendapatkan skor min yang tinggi. Masing-masing memperoleh 3.85 dan 3.97. Penguasaan dalam bahasa ibunda tidak menjadi masalah kepada responden kerana kesemua elemen kajian dalam Bahasa Melayu sama ada percakapan dan penulisan memperoleh skor min yang tinggi. Para responden memberi maklumbalas bahawa mereka boleh menjadi pendengar yang baik. Ini terbukti apabila skor min mencapai tahap tinggi iaitu 4.23.

Hasil analisis dari maklumbalas responden menunjukkan, kebolehan bekerja sebagai satu pasukan adalah mencapai skor min yang tinggi iaitu 4.19. Kerjasama berkumpul di kalangan responden sememangnya adalah baik. Kerjasama ini dipupuk semasa sesi pengajaran dan pembelajaran secara amnya dan kegiatan kokurikulum khususnya. Kesemua item soalan yang ditanya mencapai skor min yang tinggi iaitu melebihi 4.0. Skor min yang paling rendah adalah 4.07 iaitu bekerja dengan ahli kumpulan yang berlainan jantina, bangsa dan agama. Pencapaian yang tinggi ini merupakan satu kejayaan dalam pembangunan kemahiran insaniah murid sebagai persediaan di alam kerjaya.

Soal selidik kemahiran menyelesaikan masalah juga dikemukakan kepada responden. Tujuan soal selidik ini dikemukakan kerana hendak melihat cara responden mencari jalan keluar daripada masalah atau kesulitan yang dihadapi. Mereka perlu menggunakan kemahiran ini secerdas yang boleh supaya kerja-kerja mereka dapat diselesaikan dengan cepat dan sempurna. Jika masalah dan kesulitan ini tidak dapat diselesaikan dalam tempoh masa tertentu, ianya sudah pasti mengganggu kerja dan kegiatan harian mereka dan mungkin bertindak di luar batasan norma. Hasil analisis daripada jawapan responden, pencapaian skor min secara keseluruhan adalah sederhana tinggi iaitu 3.67. Pencapaian skor min bagi setiap item yang dikaji juga adalah sederhana tinggi antara 3.61 hingga 3.74. Bagi meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah di kalangan murid, pihak sekolah perlu merancang aktiviti kokurikulum dengan lebih kerap dan menyeluruh supaya murid membiasakan diri dengan masalah yang lahir semasa mengendalikan program dan tahu menyelesaikan masalah yang ada. Kemahiran menyelesaikan masalah ini perlu melalui empat tahap iaitu memahami dan menggambarkan masalah, memilih dan merancang cara penyelesaian, melaksanakan perancangan seterusnya menilai hasil atau keputusan yang diperolehi.

Kajian kemahiran fleksibel juga dibuat kerana kemahiran insaniah perlu melahirkan murid yang fleksibel bagi memenuhi keperluan majikan pada masa kini. Fleksibiliti di sini adalah berkeupayaan dan kesediaan untuk bertindak balas terhadap jangkakan dan keadaan yang berubah. Analisis maklumbalas jawapan responden mendapati skor fleksibel ini adalah 3.79 iaitu di tahap sederhana tinggi. Sama dengan kemahiran menyelesaikan masalah, semua item yang ditanya dalam kemahiran fleksibiliti ini memperoleh skor sederhana tinggi. Skor min yang paling tinggi ialah soalan mengaplikasi kebolehan yang sedia ada iaitu 3.91 dan skor min yang paling rendah adalah kebolehan bekerja dengan baik walaupun dalam tekanan iaitu 3.52. Analisis yang dibuat terhadap keyakinan diri responden mencapai skor min yang tinggi iaitu 4.13. Pencapaian skor min bagi setiap item soalan yang dikaji juga mencapai skor min tinggi melebihi 4.0 kecuali pada item kebolehan menyahut cabaran dalam melakukan perubahan iaitu 3.97. Walaupun item ini tidak mencapai tahap tinggi tetapi skor min yang diperolehi hampir kepada 4.0.

Keyakinan diri ini merupakan asas utama bagi kejayaan seseorang individu. Keyakinan terhadap diri sendiri bererti seseorang itu mempercayai potensi diri yang ada pada dirinya boleh membawa kepada kejayaan dalam kehidupan. Murid perlu meningkatkan kemahiran yang ada termasuklah kemahiran insaniah (Masduki & Zakaria, 2020). Apabila mempunyai kemahiran yang tinggi maka keyakinan diri turut meningkat. Seseorang yang kurang kemahiran sudah pasti akan kurang keyakinan diri. Ini akan menyebabkan mereka tidak mampu melaksanakan tugas. Sebagai contoh, mereka yang tidak mempunyai kemahiran dalam pengucapan awam, mereka tidak akan dapat bercakap di depan khalayak ramai.

KESIMPULAN

Pengurusan kokurikulum dapat dikendalikan dengan baik dan teratur, andai guru yang menguruskannya menguasai kemahiran melaksana pengurusan kokurikulum seperti merancang, mengelola, memimpin dan mengawal. Segala perancangan, pentadbiran dan pengelolaan aktiviti kokurikulum perlu diberi perhatian terutamanya daripada segi pengurusan supaya ia dapat memberikan impak yang positif terhadap pencapaian kokurikulum murid. Keterlibatan murid dalam aktiviti kokurikulum juga adalah penting kerana murid yang terlibat dengan aktiviti kokurikulum membolehkan mereka menggunakan segala kemahiran yang ada bagi menjalankan sesuatu aktiviti. Ini secara tidak langsung akan membolehkan mereka mengetengahkan bakat dan potensi diri untuk digilap supaya menjadi lebih baik pada masa akan datang dan mampu bersaing dengan rakan sebaya yang mempunyai pengalaman serta pengetahuan yang berbeza di antara satu sama lain.

Penglibatan murid dalam kokurikulum juga boleh dilihat dari faktor kehendak dan kebolehan. Faktor kehendak disebabkan keperluan kepada kemahiran insaniah sebagai bekalan selepas alam persekolahan untuk digunapakai semasa lapangan kerjaya (Masduki & Zakaria, 2020). Manakala faktor kebolehan disebabkan minat dan bakat kepimpinan yang ada dan murid merasakan bakat ini perlu diasah dan dipupuk di dalam diri mereka. Adalah penting agar kemahiran insaniah dapat diterapkan kepada murid semasa mereka berada di sekolah lagi untuk melahirkan murid yang dapat memenuhi pasaran kerja masa kini. Mendidik murid supaya menjadi warganegara yang berilmu serta sentiasa mengejar kecemerlangan dari segi tingkah laku dan sahsiah dalam aktiviti di luar waktu pembelajaran termasuk terlibat dalam program-program sekolah adalah amat penting. Melahirkan murid yang seimbang dari segi mental, fizikal, emosi dan rohani adalah menjadi dasar pendidikan di negara kita ini. Oleh itu, segala didikan, pengajaran dan pentaksiran mahupun penilaian guru di sekolah sepatutnya tidak terpisah dengan kandungan nilai-nilai penghayatan, keluhuran peribadi, jati diri, kecerdasan emosi, penglibatan dan daya tahan untuk bekalan murid menghadapi alam pekerjaan mereka nanti.

RUJUKAN

- Ali, N., *et al.* (2018). Impact of co-curricular activities on students' academic achievement at Secondary school level in southern districts of Khyber Pakhtunkhwa, *Sci. Int. (Lahore)*, 30(1), 63-66
- Alnaeem, L. (2021). Involvement in extracurricular activities and overcoming high levels of communication apprehension among Saudi EFL majors. *Arab World English Journal*, 12(2), 185-208. DOI: <https://dx.doi.org/10.24093/awej/vol12no2.13>.
- Andre J. B. (2020). Promoting ethnic identity development while teaching subject matter content: A model of ethnic identity exploration in education. *An International Journal of Research and Studies Teaching and Teacher Education*, 87.
- Collings, L. K. (2020). *The impact of extracurricular activities and high school students*. <https://spark.bethel.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1131&context=etd>

- Donroe, A. (2020). *Increasing ELL inclusion by developing a community of practice that creates equitable opportunities for ELLs within the school community* (Doctoral dissertation). (https://soar.suny.edu/bitstream/handle/20.500.12648/4843/ehd_theses/1272/fulltext%20%281%29.pdf?sequence=1&isAllowed=y)
- Evan Westra. (2020). *Folk personality psychology: mindreading and mindshaping in trait attribution*. Department of Philosophy, University of Toronto, 170 St George Street, Toronto, Canada.
- Ghani, S. A., Awang, M. M., Ajit, G. & Rani, M.A.M. (2020). Participation in co-curriculum activities and students' leadership skills. *Journal of Southwest Jiaotong University*, 55(4), 1-13.
- Irwan Fariza, S., Mohd Mahzan, A., & Abd Razaq, A. (2020). Keterlibatan pelajar dan hubungannya dengan kemahiran insaniah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1), 68-74. <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2020-45.01SI-09>
- Kuan, G. *et al.* (2019). Co-curricular activities and motives for participating in physical activity Among health sciences students at Universiti Sains Malaysia, Malaysia, *The Malaysian Journal of Medical Sciences*, 26(1), 138-146. DOI: <https://doi.org/10.21315/mjms2019.26.1.1>.
- Mastura, B., & Farahwahida, M. Y. (2020). Pendidikan keibubapaan melalui santunan fitrah Nabi Ya'qub a.s dan pendekatannya bagi menangani salah laku remaja. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 113- 123.
- Masduki, M., & Zakaria, N. (2020). Fulfilling the demand for workplace communication skills in the civil engineering industry. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*, 28(4), 3069-3087.
- Md Sabil, A., Jamian, A. R., Othman, S., Said, R. R., Sulaiman, T., & Aminuddin, Z. N. (2021). Penerapan kemahiran insaniah bagi domain afektif kemahiran komunikasi, sepanjang hayat, sosial dan kepimpinan untuk kemenjadian siswa universiti. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 105-119. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.8.2021>
- Md. Roknuzzaman, S. (2020). Examining the linkage between student's participation in co-curricular activities and their soft skill development. *Journal of Education Sciences*, 4(3), 511-528.
- Nor Aishah, A. S., Shahlan, S., & Saemah, R. (2022). Penglibatan aktiviti kokurikulum dan kemahiran insaniah dalam kalangan murid sekolah rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001451. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1451>.
- Nur Munirah, R. & Mohamad Shukri, A. H. (2020). The effectiveness of cocurricular activities by integrated living skills unit in enhancing student's soft skills. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(4), 162-172.
- Shcheglova I. A. (2019). Can student engagement in extracurricular activities facilitate the development of their soft skills? Monitoring of public opinion. *Economic and Social Changes*, 6, 111—121. <https://doi.org/10.14515/monitoring.2019.6.07>
- Sheokarah, J., & Pillay, A. (2021). Beyond classroom walls: The role of a co-curricular English club in supporting second language learning. *Journal of Education*, (82), 113-128. <http://www.scielo.org.za/pdf/jed/n82/08.pdf>.
- Vilches, M. (2020). *Increasing social integration for ELLS* (Doctoral dissertation). ([https://soar.suny.edu/bitstream/handle/20.500.12648/4844/ehd_theses/1273/fulltext%20\(1\).pdf?sequence=1](https://soar.suny.edu/bitstream/handle/20.500.12648/4844/ehd_theses/1273/fulltext%20(1).pdf?sequence=1))
- Zafariddinovna, A. Z. (2021). Organization of extracurricular activities in a foreign language. *Academica Globe: Interscience Research*, 2(05), 582-589. file:///Users/bornelas/Downloads/234-Article%20Text-435-1-10-20210601.pdf